



**KERJA-KERJA PELUPUSAN BAHAN-BAHAN SISA KOREKAN
BAGI PROJEK PEMBINAAN DERMAGA CT4 & CT5 WESTPORT,
PELABUHAN KLANG**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 17 Ogos 2005.

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pelupusan bahan-bahan sisa korekan dari projek pembinaan Dermaga CT4 & CT5 Westport akan dijalankan selama tempoh kira-kira (1) satu bulan mulai dari 24 Ogos 2005. Sisa-sisa bahan korekan itu akan dilupuskan di Kawasan Pembuangan Am (*Spoil Ground*) yang terletak di sebelah Barat dari Pulau Pintu Gedung, pada kedudukan Latitud 02° 53.52' Utara dan Longitud 101° 09.00' Timur.

2. Vesel-vesel yang akan digunakan dalam kerja-kerja pelupusan bahan-bahan buangan itu adalah sebuah bot tunda bernama "JETTA 7", berserta dua buah barj besi (*Flat Top Barge*) bernama "JETTA 20" dan "INAI ROS 28". Dimaklumkan juga bahawa ketiga-tiga vesel berkenaan akan memasang-kan isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh operasi.

3. Selaras dengan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel terlibat.

Sekian, terima kasih.

(SELVARAJU A/L MARUTHAMUTHU)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran)
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar (Kawalselia),
Lembaga Pelabuhan Kelang.